



## IRSYAD

### Soalan

Saya masuk masjid ketika azan berkumandang, adakah terus solat tahiyatul masjid atau menunaikannya selepas selesai azan?

### Jawapan

Solat *Tahiyatul* Masjid ialah solat dua rakaat yang dilakukan oleh setiap orang yang masuk ke dalam masjid sebelum dia duduk. Hal ini berdasarkan hadis daripada Abi Qatadah al-Salami *Radiallahu anhu*, Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ

Maksud: "Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, maka solatlah sebanyak dua rakaat sebelum duduk."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 444)

Daripada Abi Sa'id al-Khudri *Radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمُ النَّدَاءَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ

Maksud: "Apabila kalian mendengar azan maka ucapkanlah seperti yang sedang diucapkan muazzin".

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 611)

Apabila sampai ke masjid dan azan sedang dikumandangkan, maka hendaklah tetap berdiri bagi menghormati dan menjawab azan tersebut. Selepas selesai azan, barulah didirikan solat *tahiyatul* masjid dan inilah yang utama (afdal). Walau bagaimanapun, jika solat sunat itu dikerjakan semasa azan berkumandang, maka solat tersebut adalah sah.

جَابِتْرُ مُفْتِي سَرَاوَقِ  
JABATAN MUFTI SARAWAK